

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 9 TAHUN 1979¹

PENGLIBATAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DI DALAM KEGIATAN
PENYALAHGUNAAN DADAH

Saya diarah menarik perhatian tuan mengenai tindakan yang patut diambil oleh Ketua-ketua Jabatan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang didapai terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah seperti yang disebutkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/76](#).

2. Masalah mangenai penyalahgunaan dadah telah beberapa kali dibangkitkan dalam Parlimen dan sebagai menjawab soalan-soalan tersebut, Y.B. Menteri berkenaan telah mengulangi tindakan tegas yang diambil terhadap kakitangan Kerajaan yang terlibat. Oleh kerana masalah penyalahgunaan dadah ini masih berleluasa di kalangan penduduk negara ini terutamanya dikalangan mereka yang muda, maka tindakan yang lebih tegas terhadap kakitangan Kerajaan yang menyalahgunakan dadah perlu diambil. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan adalah dengan ini diperingatkan supaya mengambil tindakan tegas terhadap pegawai-pegawai yang di bawah jagaan mereka yang terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat ini. Mereka yang didapati terlibat hendaklah dikenakan tindakan tatatertib termasuk untuk tujuan dibuang kerja. Mereka yang memerlukan rawatan dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan dan kemungkinan pula pulih dalam tempoh yang awal diberi cuti tanpa gaji dan sekiranya terpaksa mendapat rawatan yang berpanjangan, haruslah diambil tindakan menamatkan perkhidmatan mereka.
3. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan adalah diminta untuk mengambil perhatian berat terhadap perkara ini.

(IBRAHIM BIN ABDUL MALEK),

*Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.*

6hb. Julai, 1979

Semua	Ketua	Setiausaha	Kementerian.
Semua	Ketua	Jabatan	Persekutuan.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.			

'Dibatalkan Oleh **PP 10/84** berkuatkuasa pada 25 Oktober 1984.

Tingkat 7, 9-14 &16, Bangunan UMBC, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur 01-33.

Telefon: 208144, Alamat Telegraf "Festoff Kuala Lumpur).